

PELITA BRUNEI



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 10 BILANGAN 33 RABU 24 NOVEMBER, 1965 1385 رابو 1 شعبان PERCHUMA

Nasehat Pesurohjaya Buroh Kapada Anggota2 Kesatuan Buroh Kerajaan Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pesuroh Jaya Buroh Merangkap Pendaftar Kesatuan Sekerja, Brunei, Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim, memberi nasehat kapada pekerja2 yang menjadi anggota Kesatuan Buroh Kerajaan Brunei supaya bersabar menunggu keputusan dan jawapan Kerajaan atas tuntutan2 mereka yang belum lagi mendapat layanan.

Dalam satu pengumuman yang di-hebahkan menerusi Radio Brunei pada 21 November, 1965, Pengiran Bahar menegaskan bahawa sekiranya ahli2 Kesatuan itu melancharkan mogok dengan tidak mengindahkan penerangan2 Kerajaan, maka pemogokan itu akan di-anggap tidak halal oleh Kerajaan, dan pihak Pendaftar Kesatuan Sekerja terpaksa-lah mengambil tindakan2 yang sawajar-nya terhadap Kesatuan tersebut.

Beliau mengingatkan juga ahli2 Kesatuan itu bahawa keadaan dharurat yang di-ishtiharkan dibawah Undang2 Dharurat tahun 1962 maseh lagi berjalan kuatkuasa-nya dan sebarang perbuatan yang mengganggu ketenteraman negeri ini ada-lah satu kesalahan menurut Undang2 tersebut. Pengiran Bahar menerangkan bahawa Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa untuk menimbangkan kenaikan pangkat pekerja2 yang bergaji hari ka-gaji bulan dan juga melantek satu badan Jawatankuasa Penimbang Gaji untuk menimbangkan kenaikan gaji bagi semua pekerja Kerajaan sama ada yang bergaji bulan atau pun yang bergaji hari. Hasil penyiantasan kedua2 jawatankuasa tersebut telah pun di-hadapkan kapada Kerajaan untuk di-timbangan dan di-putuskan.



D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan semasa Baginda menaiki pesawat Hovercraft Sharikat Westland jenis RN6 yang di-bawa masuk ka-Brunei baru2 ini untuk kegunaan Sharikat Minyak Shell Brunei. Duli Yang Maha Mulia telah menaiki pesawat itu selama sa-tengah jam di-sa-panjang pantai Seria/Belait sa-lepas Baginda mengurniakan Bintang2 Kebesaran Negeri Brunei kapada beberapa orang anggota Askar British di-Istana Kota Mang-galela, Seria pada pagi 13 Novem-ber, 1965.



Ini-lah satu pemandangan pesawat Hovercraft Sharikat Westland jenis RN6 yang boleh di-gunakan di-ayer atau pun di-darat.

Malam Isra'-Me'raj Di-Bandar Brunei Memperolehi Sambutan

BANDAR BRUNEI. — Dewan Kemasyarakatan Bandar Brunei telah penoh sesak oleh kaum Muslimin pada malam Ahad yang lalu semasa di-langsungkan Malam Sambutan Isra' dan Me'raj di-bawah anjoran Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei. Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah merasmikan pembukaan sambutan tersebut. Berbagai2 achara, antara-nya Peraduan Membacha Sajak, Nashid dan Tablo telah di-adakan di-majlis tersebut.

Satu sharahan Khas mengenai Isra' dan Me'raj telah di-sampai-kan di-majlis itu oleh Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin, Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-majlis tersebut oleh Pengerusi Sambutan itu Awang Abdul Salam bin Abdul Razak dan oleh Setia Usaha-nya Pengiran Abbas bin Pengiran Haji Besar.

Keputusan Peraduan Membacha Sajak ada-lah saperti berikut: —

Pertama — Awang Shahreenan dari Kesatuan Pemuda Pemudi

Sungai Kedayan. Kedua — Awang Abdul Rahman bin Awang Salim dari Persatuan Angkatan Belia Burong Pingai Berakas dan Pemenang Ketiga — Awang Haji Ahim bin Haji Ibrahim dari Persatuan Tunas Harapan Pemuda Pemudi Ke-bajikan Senaut, Tutong.

Johan Pasokan — Persatuan Ang-katan Belia Burong Pingai, Berakas.

Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Johari bin Abdul Razak telah menyem-paikan hadiah2 kapada peme-nang2 dalam peraduan tersebut.

Persidangan Majlis
Mashuarat Daerah
Belait.

6 Usol Di-Luluskan

KUALA BELAIT. — Majlis Mashuarat Daerah Belait telah meluluskan kesemua enam usol yang di-bentangkan dalam persidangan-nya di-Bilek Persidangan Pejabat2 Kerajaan pada pagi 15 November, 1965.

Satu daripada usol itu ia-lah merancangkan sa-buah projek bagi membekalkan ayer karumah2 orang awam dan Kerajaan di-Seria dan Kuala Belait dengan perbelanjaan dan kepunyaan kerajaan sendiri.

Usol2 lain yang di-luluskan itu termasuk-lah menasehatkan Kerajaan supaya mengambil perhatian berat serta memberi bantuan yang berkesan kepada perusahaan nelayan raayat negeri ini dan menghadkan pengeluaran lisen perahu tambang yang membawa penumpang2 dari seberang menyeberang sungai Kuala Belait pada bilang yang tertentu dan mengenakan peraturan2 keselamatan bagi penumpang2.

Usol yang ke-empat ia-lah menasehatkan Kerajaan membaiki lanting tambatan perahu dan motor sangkut dekat pasar ikan di-Kuala Belait, dan yang kelima pula menasehatkan Kerajaan mengadakan talipon di-klinik Sungai Liang.

Usol yang ke-enam ia-lah meng-usulkan kepada pehak yang berkuasa supaya memberi penjelasan2 yang bertulis kepada majlis itu mengenai maksud dan tujuan Kerajaan membenarkan sharikat B.S.P. Seria membena Panggong Roxana dan lain2 hal berkenaan dengan-nya.

Di-majlis itu juga 13 soalan yang di-beri notis telah menerima jawapan yang memuaskan.

Isteri Pengiran Syed Shahminan, Pegawai Daerah Temburong kelihatan dalam gambar ini menyampaikan piala perak kepada Dayangku Saleha binti Pengiran Abdul Rahman yang telah menjadi Johan dalam Peraduan Bachaan Al-Koran Peringkat Daerah Temburong, Bahagian Perempuan di-Bangar baru2 ini.



Isteri Awang Abdul Rahman Rahmat dari Kuala Belait kelihatan dalam gambar ini semasa ia memandu kereta Go-Kart di-temasha Perlumbaan Kereta Go-Kart di-Bera-

kas Kem pada pagi hari Ahad 14 Nov. Ia-lah sa-orang sahaja perempuan yang mengambil bahagian dalam perlumbaan itu. Meskipun ia mendapat gelaran yang ke-

empat dalam Perlumbaan Go-Kart 10 kali keliling kawasan perlumbaan itu, akan tetapi para penonton telah memuji terhadap kecekapan-nya memandu kereta Go-Kart itu.

Pepereksaan Menaip Trengkas Dan Ilmu Menyimpan Kira-Kira

BANDAR BRUNEI. — Pepereksaan Menaip, Trengkas dan Ilmu menyimpan Kira-Kira bagi hujung tahun 1965 yang di-anjorkan oleh Trengkas Melayu Institute (Malaya) dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Brunei akan di-adakan seperti berikut: —

(A) Trengkas Peringkat Tertinggi, Menengah dan Permulaan

12 Disember, 1965 mulai jam 2.00 petang bertempat di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

(B) Menaip Peringkat Menengah dan Permulaan

12 Disember, 1965 mulai jam 9.00 pagi bertempat di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

(C) Ilmu Menyimpan Kira-Kira Permulaan

12 Disember, 1965 mulai jam 9.00 pagi bertempat di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Chalun2 menaip hendak-lah membawa jentera tiap masing2 ka-dalam bilek pepereksaan sa-tengah jam sa-belum pepereksaan di-jalankan.

Chalun2 Trengkas dan Ilmu Menyimpan Kira2 mesti-lah hadir di-bilek pepereksaan 15 minit sa-belum pepereksaan di-jalankan.

Nama2 chalun dan nombor2 daftar yang memasoki pepereksaan tersebut ada-lah seperti berikut:

(A) TRENGKAS PERINGKAT TERTINGGI:

No. Daftar: Nama chalun:

7201 ... Kamis bin Mohd. Ali

7202 ... Othman bin Damit.

7203 ... Wan Abd. Rahman b. Wan Ali.

7204 ... Pg. Tuah bin Pg. Muhamad.

TRENGKAS PERINGKAT MENENGAH:

7205 ... Mohd. Hussein bin Hassan.

7206 ... Sidek bin Abd. Hamid.

7207 ... Abd. Karim bin Abd. Kadir.

7239 ... Duming bin Abd. Wahab.

TRENGKAS PERINGKAT PERMULAAN:

7208 ... Abd. Latif bin Mohd. Noor.

7209 ... Julis bin Hutar.

7210 ... Md. Yusof bin Dulamin.

7211 ... Minor Absah bin Abdullah.

7212 ... Awangku Othman bin Pg. Ismail.

7213 ... Ibrahim bin Yahya.

7214 ... Ak. Omarali bin Pg. H. Muhammad.

7215 ... Mohammad bin Abd. Latif.

7216 ... Rosni bte. Bakar.

7217 ... Awangku Tuah bin Pg. Apong.

7218 ... Rosnah bte. Awang Hamid.

7219 ... Dayangku Zubaidah bte. Pg. Damit.

7220 ... Salamah bte. Abd. Kadir.

7221 ... Md. Yassin bin Yusof.

7222 ... Muhammad bin Cheku.

7223 ... Zubaidah bte. Umar.

7224 ... Awangku Tajuddin bin Pg. Bustamam.

7225 ... Rokiah bte. Md. Hussain.

7238 ... Ahmad bin Md. Hussain.

7240 ... Md. Daud bin Taha.

(B) MENAIP PERINGKAT MENENGAH:

No. Daftar: Nama Chalun:

7226 ... Ak. Othman bin Pg. Ismail.

7227 ... Saban bin Aman.

7228 ... Su'ib bin Haji Noor.

7229 ... Abdullah bin Ismail.

7230 ... Othman bin Damit.

7231 ... Mohd. Tahir bin Metasan.

MENAIP PERINGKAT PERMULAAN:

7232 ... Aminah binte H. Mohd. Yassin.

7233 ... Dayangku Rosnah bte. Pg. Bakar.

7234 ... Awangku Mahalee b. Pg. Damit.

7235 ... Awangku Md. Yassin bin Pg. Ahmad.

7236 ... Mashud bin A. Damit.

7237 ... Dayangku Hairani bte. Pg. Muda Kahar.

(C) ILMU MENYIMPAN KIRA-KIRA:

No. Daftar: Nama chalun:

7241 ... Sablee bin Haji Metussin.

7242 ... Ak. Ismail bin Pg. Hj. Damit.

7243 ... Shahbudin bin Abdul Rashid.

7244 ... Pg. Sharifuddin b. Pg. Momin.

LIMA FAKTOR TUMPUAN PERHATIAN PENGKERITIK - SIAPA MANUSIA DALAM SASTERA

oleh Awang Mahmud Bakyr

DALAM setiap karya sastera, khusus-nya dalam bidang penulisan prosa, ada lima faktor besar yang menjadi perhatian setiap pengkeritik yang keritis. Lima faktor itu ia-lah tema, pelot, perwatakan, bahasa, dan ke-empat-empat faktor ini di-ikat sa-hingga menjadi kesatuan yang harmonis oleh faktor kelima ia-itu teknik atau gaya (stail). Dalam cheramah ini saya akan membicarakan satu sudut (aspek) saja dari chiri yang lima ini, ia-itu persoalan watak dalam sastera. Dan bukan pula tujuan saya hendak membicarakan chara atau teknik penulisan watak dalam sastera, umpama-nya bagaimana mengolah watak yang baik, tetapi hanya sekadar hendak menjawab soalan: siapakah manusia dalam sastera itu dan apa pula bedza-nya dengan manusia di-luar sastera?

KARYA SASTERA

Untuk lebih jelas chuba dulu kita perhatikan chontoh ini. Selesai kita membacah sa-buah karya sastera, sa-buah nobel umpama-nya, kerap kali kita terpaksa merenong jauh dan fikiran kita terganggu kerana mungkin satu atau dua watak dalam nobel itu mirip kepada manusia yang kita kenal dalam penghidupan kita sa-hari-hari. Tentu-nya kita akan berkata: watak wanita utama serupa dengan che'gu saya di-sekolah, umpama-nya. Dan banyak lagi soalan2 yang mungkin timbul apabila kita mengulang membacah nobel itu sechra keritis. Soal watak dalam nobel dan manusia di-luar nobel yang "saakan-akan sama" ini-lah yang saya hendak bicarakan dalam cheramah ini.

Pada umom-nya sasterawan menimba selok-belok penghidupan sa-hari-hari untuk di-jadikan bahan sastera yang hendak di-hasilkan-nya. Dan manusia merupakan bahan yang paling penting kerana ia mempunyai keistimewaan2 yang tersendiri dan yang paling sukar (komplex) untuk di-pahami. Dan betapa kompleks-nya manusia ini dapat kita rasakan kerana kerap kali sasterawan2 ulong menasehatkan bahawa untuk mencheritakan tentang pergolakan jiwa sa-orang watak dalam sastera, sasterawan itu terlebih dahulu mesti-lah bermesra2 dengan pengetahuan ilmu jiwa, ilmu kemasyarakatan, politik dan sa-bagai-nya yang bersangkutan paut dengan penghidupan manusia.

PENGHIDUPAN

Dalam penghidupan sa-hari-hari sekira-nya sa-saorang itu melakukan satu pembunuhan, dari segi undang2 negara perbuatan ini ada-lah salah. dan jika dapat di-buktikan kesalahannya itu, ia akan di-hukum menurut undang2. Tetapi bagi sa-buah karya sastera mendedahkan kenyataan2

(facts) saja tidak chukop kerana kalau demikian hal-nya, bentok sastera itu tak berbedza dari buku2 ilmu pengetahuan yang lain, buku kemasharakan umpama-nya.

Sa-orang sasterawan mau mendedahkan yang tak nampak oleh mata kasar, segala pergolakan jiwa halus, apa yang mendorong sa-orang itu melakukan sa-suatu perbuatan, bagaimana latar-belakang orang yang melakukan perbuatan itu, bentok susunan masharakat tempat ia hidup dan lain2. Hakikat ini tentu sekali berkehendakkan ilmu pengetahuan yang luas dan dalam, dan tidak menchukopi semata-mata dengan pemerhatian saja dan ditulis dengan terburu-buru.

Untuk lebih jelas lagi chuba kita dengarkan nobelis Patricia McGerr mencheritakan bagaimana ia menyiapkan sa-buah nobel. Kata-nya, mula2 saya tulis dua para ayat mengenai sa-orang watak utama dalam nobel yang hendak saya tulis itu, kemudian kertas yang mengandongi ayat ini saya simpan dalam sa-buah kotak khas. Kotak ini saya beri nama "The Missing Years". Dua tahun berselang lahir-lah sa-buah nobel yang berjudul "The Missing Years".

MEMERAH OTAK

Lebih lanjut nobelis ini menegaskan bahawa dalam jangka waktu dua tahun itu ia memerah otak mempelajari dua watak utama dalam nobel-nya itu, ia-itu watak sa-orang suami yang meninggalkan sa-orang isteri yang sedang sarat mengandong, dan tindak-balas (reaksi) si-isteri yang malang itu. Sumber kajian Patricia terlalu luas, umpama-nya ia membacah buku2 yang bersangkutan paut dengan ilmu jiwa, kemasharakatan, ugama dan keperchayaan; ia bertemu ramah dengan tokoh2 kebajikan masharakat, tokoh2 pejuang hak2 asasi wanita, dan dari wanita2 sendiri sekira-nya mereka di-tinggalkan oleh suami mereka. Dari apa yang di-katakan oleh nobelis Patricia ini, jelas-lah tugas sa-orang nobelis itu ia-lah menchedok sumber kehidupan sa-hari-hari sa-bagai bahan sastera nya, tegas-nya kenyataan2-nya (facts) kehidupan, dan seterusnya ia berusaha hendak melukiskan kenyataan di-sabalek kenyataan di-gali dari pangkal-nya. Kita semua tau dari hasil pengalaman bahawa memang ada perkara2 tersembunyi dari setiap kenyataan (fact) walau pun sa-orang nobelis itu tidak menulis-nya sa-chara betul.

Sa-bagai chontoh, Awang Semaun merupakan watak sejarah, tegas-nya satu kenyataan (fact) tetapi sa-orang sasterawan tidak berpuas hati dengan kenyataan2 sejarah saja dan akhirnya ia melahirkan satu watak yang

bukan watak Awang Semaun dalam sejarah. Bagaimanakah hal ini berlaku?

Soalan ini dapat kita pechahkan begini: Dalam penghidupan sa-hari-hari manusia itu mempunyai dua cabang pergerakan (aktiviti). Satu aktiviti manusia itu dapat di-sesuaikan dengan angan (fiction). Kedua-dua cabang aktiviti ini mendapat tempat dalam sa-buah karya sastera. Segala aktiviti itu termasuk dalam golongan sejarah. Sekira-nya terdapat dalam sa-buah nobel aktiviti sa-orang watak itu betul2 mirip seperti aktiviti sa-orang manusia dalam sejarah, manusia Winston Churchill umpama-nya, nobel itu sudah berubah bentuk-nya menjadi sa-buah memoir. Memoir ia-lah sejarah dan berdasarkan pada kenyataan (fact). Dari sini saya rasa jelas-lah perbedzaan antara nobel dan sejarah.

Seperti juga hal-nya dengan sejarah nobel berdasarkan kenyataan (fact), tetapi berbedza dari sejarah nobel melangkah sa-tapak lagi ia-itu kenyataan (fact) itu di-hubungkan pula dengan pendirian (temperament), pendapat (idea) dan khayal (imaginasi) pengarang itu. Selalu-nya sa-orang pengarang akan menyesuaikan karya sastera-nya dengan kesan2 kenyataan tetapi tidak kurang pula ia merubah langsung kesan2 kenyataan itu. Khayal (imaginasi) pengarang ini selalu-nya menjelma dalam bentuk angan (fiction) ia-itu chiri yang tersembunyi dalam diri sa-orang manusia seperti gembira, sedih dan sa-bagai-nya.

Jika di-tegaskan chiri ini dengan baik dan di-dukung pula oleh kesan2 kenyataan seperti chabang2 ilmu yang lain hasil sastera itu sudah dapat di-anggap berhasil.

Telah saya tegaskan bahawa sa-orang manusia itu mempunyai banyak chiri yang tersembunyi yang tak boleh di-lihat dengan mata kasar, dan chiri yang nampak pula di-masokkan kadalam golongan sejarah. Hakikat chiri tersembunyi dalam diri sa-orang manusia ini dapat di-jelaskan begini. Dalam pergaulan sehari-hari kita tak dapat sechra keseluruhan memahami antara diri kita dan orang lain.

Pergaulan kita ada-lah di-dasarkan pada agakan kasar yang di-lakukan dari tanda2 luaran saja. Antara suami isteri, kekaseh dan kekaseh. anak dan ibu-bapa, semua ini merupakan pergaulan yang di-ikat oleh kelaziman, dan walau pun suami-isteri itu di-ikat sechra lahir-batin. anak dan ibu-bapa di-ikat oleh keturunan darah, tetapi maseh ada lagi chabang2 dalam diri sa-saorang itu yang tak dapat di-dedahkan kepada orang lain walau pun kita mau. Apa yang di-sebut pergaulan mesra itu semata-mata perbuatan sergut.

Walau pun begitu perkenalan dari tanda2 luaran ini sudah chukop untuk asas membangun satu masharakat, bersuka ria di-tepi pantai, dan bermesra di-bilek-bilek berhawa dingin, umpama-nya. Tetapi dalam sa-buah karya sastera, sa-buah nobel umpama-nya, pembacah boleh faham manusia yang bergolak dalam nobel itu sa-luas-luas-nya jika sa-orang nobelis itu mau. Penghidupan luar-dalam sa-orang watak itu di-dedahkan sa-terang-terang-nya. Sebab itu-lah kalau watak2 dalam sa-buah nobel itu betul2 hidup ini ada-lah di-sebabkan watak2 itu terlalu meyakinkan.

Manusia Salina umpama-nya, tak mungkin hidup di-sisi kita oleh kerana ia di-punyai oleh satu dunia di-mana rahsia luar-nya nampak kepada kita yang tak mungkin tersua dalam penghidupan sa-hari-hari. Sebab itu-lah juga mengapa nobel, cherpen dan lain-lain chabang sastera, walau pun barangkali ia mencheritakan orang jahat, pelachor, dapat memberi keseronokan kepada pembacah. Ia dapat membayangkan satu keturunan manusia yang dapat di-faham dan tentu-nya dapat di-jadikan tauladan dan pertibangan.

Dari keterangan2 di-tas tadi dapat-lah kita mengambil kesimpulan tentang siapakah manusia dalam sastera itu.

- (a) Manusia sastera di-ambil dari manusia kenyataan dan di-sesuaikan dengan undang2 sastera yang tak sama dengan undang2 kenyataan sa hari-hari.
- (b) Manusia sastera berbedza dari manusia sa-hari-hari kerana manusia sastera itu mempunyai atau di-bentok oleh satu dunia di-mana rahsia luar-dalam nampak kepada pembacah.

Chara Mendekati Pengkajian Sastera Lama

(Sambongan dari minggu lepas)

Dalam Shaer Awang Semaun, watak Semaun di-lukiskan dan di-beri sifat2 serba gagah. Tetapi seperti juga dalam pengolahan watak dalam Hikayat Hang Tuah, dunia perwatakan Shaer Awang Semaun bukan lagi dunia dewa2. Aliran realisma itu tampak jelas dalam buku ini. Unsur imaginasi yang menyelubungi watak Awang Semaun hendak-lah di-tinjau dari taraf pemikiran dan alam teknologi zaman buku ini di-lahirkan. Dan kayu ukor kita mesti-lah di-sesuaikan dengan zaman itu juga.

Hang Tuah dan Awang Semaun di-lahirkan ada-lah dalam dunia dewa2, masharakat belum mengenal radio, television, peti sejok dan peluru berpandu. Pengarang yang hidup dalam zaman yang mempunyai pemikiran teknologi yang rendah tentu-lah tidak dapat hendak melukiskan watak-nya seperti Ian Fleming dan James Bond-nya yang serba gagah itu umpama-nya. Alam keliling-lah yang membentok dan melahirkan Hang Tuah dan Awang Semaun. Kalau sudah suasana keliling penoh dengan kesah dewa2 herankah kita kalau Awang Semaun dan Hang Tuah itu di-lukiskan seperti dewa2? Kerana bentok sastera begini ada-lah

tradisi penulisan sastera zaman itu.

Pada hemat saya ada-lah lebih adil dan ilmiah kalau sastera lama itu di-beri nilai2 sesuai dengan norma2 zaman-nya, dan bukan ukoran2 pada zaman ini.

Pengarang memilih watak2 Hang Tuah dan Awang Semaun itu pun ada tujuan tertentu. Dalam sejarah, Hang Tuah merupakan sa-orang pendekar Melayu yang tak ada tolok banding-nya. Dalam Hikayat ini ia di-lukiskan dari masa ia maseh budak2, apabila ia dewasa dan berpengaruh, dan akhir-nya zaman ia menghadapi hari tua-nya. Sa-chara tidak langsung kita dapat merasakan bahawa watak Hang Tuah ini merupakan lambang negeri Melaka — kebangunan, kebesaran dan kejatohan-nya. Dan juga Awang Semaun dalam sejarah Brunei tua merupakan sa-orang manusia yang luar biasa, kuat dan gagah berani, ta'at setia kepada pemerintah-nya, menjadi wakil negeri-nya di-luar negeri dan mempunyai kepintaran2 yang tertentu.

Terasa bagi saya motif kedua-dua buku ini rapat kaitan-nya. Pengarang chuba hendak menonjokkan kebesaran, kemegahan dan kegagahan bangsa Melayu seluruh-nya pada satu zaman.

LAWATAN D.Y.M.M. KA-KEM

DAN



Gambar atas menunjukkan lambang Askar Melayu Diraja Brunei.



Dalam gambar ini pula, baginda sedang menghalakan senapang jenis berat ka-target yang di-sediakan.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kelihatan dalam gambar ini sedang menyaksikan rekrut2 menjalani latihan jasmani.

PASOKAN Askar Melayu Brunei baharu saja di-tubuhkan. Dalam empat tahun dari tarikh penubuhan-nya pada 31 Mei 1961 gelaran Diraja bagi pasokan tersebut telah di-kurniakan dengan rasmi-nya oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan pada 21 Mei, 1965 ia-itu tepat 4 tahun usianya di-tubuhkan.

Kumpulan pertama yang mengandungi sa-ramai 59 orang bumiputera telah mendapat latihan yang cuku-cukup di-Malaya bagi melengkapkan diri mereka sa-bagai perajurit2 tanah ayer.

Ketika itu mereka di-bawah jagaan sa-orang Pegawai Pemerintah yang di-pinjam dari Angkatan Bersenjata Malaya, Leftenan Kolonel Tengku Ahmad bin Tengku Besar Burhanuddin yang pada masa ini berpangkat Brigadier dalam Angkatan Bersenjata Malaysia.


Sejak kumpulan pertama itu menerima latihan2 tentera di-Malaya, beberapa kumpulan anggota baharu lagi telah di-hantar ka-sana untuk latihan serupa dan hingga sekarang Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah merupakan pasokan yang tidak kurang kecekapan-nya dengan pasokan2 tentera yang lain di-negeri2 sa-belah sini.

Hari ini, pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah pulang dan bertapak di-tanah ayer-nya sendiri dengan mempunyai satu kawasan sa-luas 223 ekar di-pantai Berakas ia-itu satu tempat yang sesuai bagi pasokan tentera.

Pengambilan rekrut2 untuk menambah bilangan pasokan itu maseh di-teruskan dan begitu juga alat2 kelengkapan yang lain sedang di-usahakan.


Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dalam titah ucapan baginda ketika mengadakan lawatan ka-Berakas Kem pada 16 November yang baru lalu telah menegaskan bahawa usaha untuk memperoleh alat kelengkapan yang paling baru dan mendapat latihan2 bagi menggunakan kelengkapan itu ada-lah dalam perhatian yang sa-wajar-nya.

Masa ini pasokan itu mempunyai



Rekrut2 kelihatan sedang men

ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI KEMAJUAN A.M.D.B.



Duli Yang Maha Mulia kelihatan menchuba menimbakkan senapang jenis "sterling".



Gambar atas kelihatan baginda edang menchuba memanjat dengan menggunakan tali ia-itu satu chara latihan jasmani dalam tentera.

buah kereta perisai peninjau (Scout Cars) dan tidak berapa lagi akan mempunyai tiga buah peronda dan pesawat2 yang pesan ia-lah 3 buah heli dan sa-buah pesawat hover-

nya baginda bertitah : yakin bahawa dengan latihan angkapan yang moden, Askar Diraja Brunei akan menjadi sumber kemegahan kepada neta yang chintakan keamanan "moran".

lawatan baginda yang me- masa kira2 empat jam itu, telah mengunjongi beberapa bahagian kerja pasokan itu mah tamah dengan perajurit2 tugas dalam bahagian ter-

ketinggalan juga baginda ka-bahagian Setor senjata2 yang di-bekalkan bagi ke- Askar Melayu Diraja Brunei.

Pertunjukan2 menggunakan alat2 kelengkapan tentera telah juga di- adakan untok di-saksikan oleh baginda dan dalam pertunjukan meng- gunakan senjata2 otomatik, baginda sendiri telah sama2 mengambil ba- gagian.

Ketika menyertai pertunjukan me- nembak dengan menggunakan bebe- rapa jenis senjata ringan, apabila saja selesai menembak baginda telah me- dapat kata2 pujian dari pegawai2 Askar Melayu Diraja Brunei yang mengiringkan baginda dalam lawatan itu sa-bagai sa-orang "sharp shooter".

Kata2 pujian itu di-berikan setelah baginda menunjukkan satu tembakan yang chekap dengan memuntahkan peluru yang banyak bilangan-nya ka- satu target yang di-sediakan.

Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei pada masa ini telah me- punyai beberapa orang pegawai2 tinggi-nya yang terdiri dari bumi- putera negeri ini sendiri.

Mereka itu terdiri dari tiga orang Kaptain, tiga orang Leftenan dan tiga orang Leftenan Muda. Bebe- rapa orang lagi anak2 tempatan yang akan menjadi bakal pegawai2 dalam pasokan itu sedang menjalani latihan di-luar negeri.

Pada masa ini peluang sentiasa di- buka kepada perajurit2 perengkat bawah untok menjalani latihan dalam berbagai lapangan. Latihan2 itu akan di-berikan kepada mereka di- luar negeri saperti Malaysia, Singa- pura, dan United Kingdom.

Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei juga akan mengadakan satu latihan tentera di-Kota Belut, Sabah Malaysia dan latihan itu di-jangka akan di-mulakan dalam minggu pe- tama bulan Februari, 1966.

Pegawai Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei sekarang ini ia-lah Leftenan Kolonel, Awang Dato Setia D. M. Fletcher.



Pengambilan orang2 baru maseh di-teruskan. Gambar ini menunjukkan rekrut2 sedang men- jalani latihan berbaris.



Latihan memanjat tembok.

TAWARAN2 DAN KERJA KERJA KOSONG

Tawaran2 ada-lah di-jemput bagi menjalankan pekerjaan mengangkat dan membuang najis2 (night-soil) sa-banyak 472 Tong di-dalam kawasan Lembaga Bandaran, Kuala Belait dan 491 Tong di-dalam kawasan Lembaga Bandaran, Seria, pada sebelah malam.

2. Tawaran2 mesti-lah di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Pejabat Kewangan Negara, tingkat Bawah bangunan Pejabat2 Kerajaan, Bandar Brunei, sehingga jam 4-00 petang pada hari Isnin, 6 Disember, 1965. Tawaran2 yang di-terima sesudah tarikh atau waktu ini akan di-tolak.

3. Tawaran2 mesti-lah dimasukkan kedalam sampol2 surat biasa yang bertutup. Maka di-muka sampol surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama Penawar.

4. Sampol2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran (alamat penoh seperti di-terangkan di-fasal 2).

5. Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat itu dan perkataan-nya mesti-lah "PEKERJAAN MENGANGKAT DAN MEMBUANG NAJIS, DI-DALAM KAWASAN2 LEMBAGA BANDARAN, KUALA BELAIT DAN SERIA.

Tawaran2 yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

6. Surat perjanjian mengandungi peratoran2 atas menjalankan pekerjaan mengangkat dan membuang najis, dapat di-lihat di-Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait pada bila2 masa bekerja.

7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sa-habis rendah sekali atau sebarang tawaran.

8. Dua buah kenderaan khas dengan 2 orang pemandu akan di-sediakan oleh Jabatan Lembaga Bandaran, untuk melaksanakan pekerjaan mengangkat dan membuang najis itu dengan tidak di-kenakan apa2 bayaran.

Perhomonan2 ada-lah di-jemput bagi memenohi jawatan kosong sebagai Pegawai Istilah, Perkamus dan Penyelidik di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 hendak-lah orang Melayu yang mempunyai kelulusan Persekolahan Menengah Atas atau yang sebanding dengan-nya.
- Mempunyai pengetahuan yang baik dalam bahasa Melayu.
- Mempunyai pengetahuan yang luas terutama dalam selok belok bahasa Melayu dan Ingeris.

Gaji:—Dalam sukatan gaji C(b) 1 - 2 - 3 \$520 - 540 - 570x30 - 840.

Sharat2 Lantekan:—Kontrek selama 3 tahun termasuk-lah tempoh 6 bulan yang pertama sebagai dalam perchubaaan. Kontrek boleh di-baharui atas persetujuan bersama.

Baksis:—Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar

apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatn:

Pada masa ini tidak ada chukai pendapatn di-kenakan di-Brunei. Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Disember, 1965.

PEMANDU KERETA

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Pemandu di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen2 pemandu dan berumur di-antara 20 tahun dan tidak lebeh dari 40 tahun.

(b) Pemohon2 mesti-lah ra'ayat Sultan Brunei atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan.

(c) Pemohon2 yang tahu membaik kerosakan2 kereta atau jentera kereta akan di-beri keutamaan.

(d) Mempunyai kesanggapan atau menurut perintah apabila di-tugaskan pada bila2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 5-6 = \$180 x 4 - 200.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 1 Disember, 1965.

LISEN2 KERETA

Semua lisen2 kereta akan berakhir pada 31 Disember, 1965. Ada-lah menjadi satu kesalahan memandu atau menggunakan kereta di-jalan raya sa-lepas tarikh tersebut jika lisen kereta itu tidak di-baharui bagi tahun 1966.

Semua kereta yang umur-nya lebeh dari tiga tahun akan di-periksa ter-lebeh dahulu sa-belum di-baharui lisen-nya.

Semua kereta2 taxi, bas, -kereta membawa barang2 dan kereta2 perniagaan akan diperiksa ter-lebeh dahulu sa-belum di-baharui lisen-nya. Untuk memberi kemudahan kepada oraaing ramai membarui lisen2 kereta, Pejabat Keenderaan Darat di-Bandar Brunei dan di-Kuala Belait akan mula melisen kereta2 bagi tahun 1966 mulai dari 1 Disember, 1965.

KETUA PEMBANTU TEKNIK

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi memenohi jawatan sebagai Ketua Pembantu Teknik dalam Jabatan Talikom, Brunei.

Kelayakan2 Persekolahan:

Lulus Form IV Ingeris atau mempunyai kelulusan yang sebanding dengan-nya serta lulus dalam perkara2 Ilmu Hisab dan Fisik.

Kelayakan2 Teknik:

Mempunyai kelulusan yang diakui seperti "Ordinary National Certificate" atau yang sebanding dengan-nya; "City and Guilds Final Certificate" dalam Tele-

communications Engineering".

Kelulusan yang sama dengan perkara itu atau siji2 yang menunjukkan bahawa calon2 telah menamatkan Kursus "Telecommunication Engineering" selama dua tahun dengan memuaskan akan di-pertimbangkan.

Selain dari kelayakan teknikal calon2 hendak-lah mempunyai pengalaman praktikal dalam "Telecommunications Engineering" selama 6 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$850 x 30 - 1060 - 1100 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Kontrek selama 3 tahun termasuk-lah tempoh 6 bulan yang pertama sebagai dalam perchubaaan. Kontrek boleh di-baharui atas persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatn:

Pada masa ini tidak ada chukai pendapatn di-kenakan di-Brunei.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Disember, 1965.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 24 November hingga ka-hari Selasa 30 November, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Matahari							
	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
24	12-12	3-30	6-08	7-23	4-38	4-53	6-10	
25	12-13	3-31	6-09	7-23	4-38	4-53	6-11	
26	12-13	3-31	6-09	7-23	4-38	4-53	6-11	
27	12-13	3-31	6-09	7-24	4-38	4-53	6-11	
28	12-13	3-32	6-10	7-25	4-39	4-54	6-12	
29	12-13	3-32	6-10	7-25	4-39	4-54	6-12	
30	12-13	3-32	6-10	7-25	4-39	4-54	6-12	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

MEMBEKAL DAN MEMBINA DI-BANDAR BRUNEI DUA-BELAS (12) BUAH PONDOK TALIPON YANG TERDAHULU DI-RANGKA.

Tawaran2 yang di-terima sudah waktu itu akan di-tolak.

Tawaran2 mesti-lah di-hantar di-dalam sampol surat yang bertutup di-alamatkan kepada "Pengurus, Lembaga Tawaran, Jabatan Kewangan Negara, Bandar Brunei, Brunei" dan bertanda dengan terang "Tawaran Pondok Talipon".

Bayaran chengkeram ia-lah \$100. (Sa-ratus ringgit). Chengkeram ini boleh di-kembalikan kepada Penawar2 yang tidak berjaya sahaja.

Peta dan butir2 kenyataan boleh di-lihat dan segala butir2 lain boleh di-perolehi dari Jabatan Pengawal Talikom Negara, Brunei, masa kerja.

Kursus Pengajaran Bahasa Kebangsaan

PENGENALAN

BAHASA ada-lah suatu yang mempunyai peranan penting dalam kehidupan manusia. Barangkali oleh kerana rapatnya hubungan antara manusia dan bahasa-nya, maka jarang sekali di-perhatikan, sama pula hal-nya dengan kita bernafas dan berjalan atau bergerak umpamanya.

Kesan2 dari bahasa sungguh besar sekali pengaruh-nya dalam kehidupan sebagai manusia. dalam pandangan kasar barangkali ini-lah suatu perbezaan besar di-antrara manusia dan binatang, meskipun bahasa bukan-lah merupakan suatu achara yang tersendiri dalam kehidupan, sechара memegang peranan penting dalam fikiran, falasafah dan pendidikan manusia sabagai suatu bangsa.

Seringkali terjadi perdebatan atau pertukaran fikiran di-kalangan orang2 terpelajar masalah2 yang bersangkutan dengan bahasa. Biasa-nya perdebatan itu berkisar kepada sistem "pembetulan" apa-kah yang sesuai di-pakai atau di-bahasakan "aku" atau "saya" sama ada dalam pertuturan atau dalam tulisan? Persoalan2 yang seumpama ini membuka suatu jalan2 yang berliku2 dan huraian2 yang meluas dalam masalah bahasa.

Dalam hal lain barangkali akan terbit persoalan2 mengenai kaedah bunyi dan sebutan, mital-nya apa-kah bunyi "h" itu jelas di-dengar dalam perkataan "hari" atau bunyi "k" dalam sebutan "anak" atau "katak" dan perkara2 seperti ini tali menali pula hubungan-nya dengan bunyi2 huruf saksi dalam tulisan.

TATA BAHASA

Pendek-nya hubungan2 masalah bahasa ini akan berkaitan pula dengan tatabahasa sebagai motif yang mendirikan bahasa itu. Dalam rangkaian2 perkataan yang mendirikan sesuatu pengertian atau maksud dalam perchakapan di-gelar sebagai "ayat" harus-lah mempunyai peratoran yang wajar dan terdiri.

Dalam ka'edah gramatika atau tatabahasa menurut istilah kita suatu ayat harus-lah terdiri dari rangkaian2 yang mengandongi katabenda (subject) dan cherita (predicet) yang mengandongi object atau tujuan dari pertuturan dalam perchakapan tadi. potong ayat ini "matahari terbit dari timur" apakah ayat2 ini mempunyai teratoran gramatika seperti yang di-utarakan tadi? dengan ini timbul-lah persoalan2 yang selari menimbulkan apa yang di-sebut pengkajian bahasa.

Pengkajian ini harus-lah didasarkan kepada beberapa aspek2 yang tertentu dalam kedudukan sesuatu bahasa, asal usul-nya, jalan kalimat-nya, halaman akan

mengambil waktu yang lama untuk menyampurnakan-nya ialah masalah yang di-katakan "Linguistic" atau pengkajian bahasa. Di-mana kita akan menjumpai titek pertemuan antara lama dan baru dalam persoalan bahasa.

Sebenar-nya, bagi bangsa mana pun di-dunia, pengkajian bahasa ada-lah baru di-mulai sejak satu abad yang lepas. Pengkajian yang di-maksudkan sechара ilmiah yang mendalam baru dalam titek permulaan yang maseh jauh keujung-nya; atau mungkin juga suatu yang tidak ada titek penghabisan-nya, kerana bahasa adalah sesuatu yang terus hidup dan berkembang bersama dengan kemajuan hidup manusia.

Tidak sedikit orang yang merasa kesulitan yang sungguh2 dalam masalah pengkajian bahasa, yang sebenar-nya tidak begitu sulit sebagaimana yang di-jangkakan. Maksud-nya pengkajian dalam hal bahasa ini harus di-dasarkan asas2 yang paling mudah dan sesuai dengan keadaan bahasa itu sendiri.

FUNGSI BAHASA

Bahasa Gerik tua telah meninggalkan suatu kesan dalam fungsi bahasa, suatu kesan yang begitu mahal harga-nya. Mereka telah mengesankan keaslian, sejarah dan pembangunan bahasa. Sechара teridasi, bahasa2 barat memang banyak mengagali perpendaharaan dari bahasa Gerik kuno ini.

Herodotos, yang telah menulis dalam abad kelima sa-belum Masehi, telah mencheritakan bagaimana sa-orang Raja Mesir ingin mengetahui apakah bangsa yang tertua di-dunia. Raja itu telah mengasingkan dua orang anak yang baharu lahir di-suatu tempat. Bila mereka mula berchakap, maka perkataan yang mula di-sebut mereka ia-lah "bekos" ia-itu dari bahasa Phrygia yang bererti "roti".

Dalam buku perbinchangan-nya "Cratylus", ahli falasafah Yunani Plato yang hidup di-antara 427-347 sebelum Masehi, telah membicarakan masalah asal-usul perkataan, terutama tentang bentuk dan persangkutan antara nama dan benda, ia-itu tentang apa-kah ia mempunyai perkaitan tertentu dengan kehidupan manusia sehari.

Perbinchangan ini menimbulkan suatu riaksi pertama dalam pandangan masalah pengkajian bahasa sechара tidak langsung yang mengenai perbezaan2 yang kontra di-antara

pehak2 Analogis dengan pehak Anomalists, (yang mementingkan persamaan dengan yang ganjil).

Suatu pehak berpendapat bahawa bahasa ada-lah bersifat semula jadi dan dengan demikian ia ada-lah mempunyai dasar khusus dan logis, sedangkan suatu pehak lain menidakkan ini dan menimbulkan pendirian bahawa bahasa tidak mempunyai dasar khusus mengenai penubohan yang bersangkutan dengan kajian bahasa. Pehak Analogist berpendapat bahawa asal dan pengertian yang sebenar dari perkataan2 dapat di-kesani dari bentuk kata atau perkataan itu, pengkajian seperti ini etymology (pencharian dasarkata). Umpama-nya kita dapat mengambil contoh dari bahasa Inggeris; perkataan "blackbird" terdiri dari dua gabungan kata "black" dan "bird"; sa-jenis burung yang di-namakan mengikut warna-nya; jadi "blackbird" ada-lah sa-jenis burung yang warna-nya (bulu-nya) hitam. Dan suatu contoh lagi dari perkataan Inggeris ia-itu "manly" ia-itu katarangkas dari "man-like".

Pengkajian katadasar seperti ini menunjukkan kepada kita, dalam bahasa Yunani atau Gerik kuno berpendapat bahawa "bentuk-kalimat" (speech-forms) berubah dalam peralihan waktu.

Sechара tertentu pengkajian seperti ini terutama tentang peralihan itu, pelajar2 modern akan menemui puncha atau anak-kunchi dari masa-alah2 pengkajian bahasa. Di-masa lampau sesungguhnya pengkajian yang terator dan mendalam tidak-lah pernah di-buat untuk memper-

hatikan peralihan2 mengenai persoalan bahasa.

Bangsa Yunani Kuno tidak-lah mempelajari bahasa lain selain daripada bahasa mereka sendiri; mereka menganggap bahawa bentuk bahasa mereka bersifat universal menjiwai alam pemikiran manusia seluroh-nya. Di-dalam-nya mereka men-chipta suatu peratoran khusus mengenai bahasa yang kini kita kenal sebagai tatabahasa atau gramatika, oleh kerana ia hanya berkisar kepada satu persoalan bahasa, akhir-nya, pengkajian itu bertukar menjadi suatu pandangan falasafah.

Mereka telah menemui pembahagian kalimat; seperti "rangkaikata", dari sana timbul-lah masalah "benda" dan "cherita" dalam bentuk kalimat. Maka kategori2 dari inil-ah yang menerbitkan susunan2 dalam kaedah tatabahasa, seperti perjenisan, bilangan, kejadian, ganti-nama, masa dan arahan kata. Mereka telah mengenakan bukan-lah dalam bentuk kalimat yang sempurna, sechара tidak langsung ia bererti sesuatu yang baru dalam pengkajian bahasa sechара linguistic.

Kesan2 dari pengaruh Yunani kuno dalam bahasa2 dunia, boleh-lah di-dapati dari kesan2 sastera mereka yang terutama. Salah satu dari hasil sastera Yunani yang termahhor ia-lah sa-buah karangan sha'er epik ia-lah Odyssey dan satu lagi ia-lah Iliad; dari sini terdapat-lah bentuk2 Yunani Kuno dan telah di-chipta bagitu rupa dalam bahasa Yunani tua. Untuk mengetahui dengan sa-benar-nya isi2 dari sha'er epik itu, kita harus-lah mempelajari bahasa Yunani sa-dalam-nya.

Tarikh Terakhir Mengirimkan Surat2 Krismas

BANDAR BRUNEI. — Tarikh yang terakhir bagi mengirim surat2 dengan kapal terbang untuk kegunaan Hari Raya Krismas dari Pejabat2 Pos di-Bandar Brunei, Seria dan Kuala Belait kabeberapa buah negeri ada-lah seperti berikut:

Australia (Kawasan Timor termasuk Tasmania dan Kawasan Barat) — 12 Disember. Burma — 14 Disember. Canada — 9 Disember. Ceylon — 14 Disember. Afrika Timor — 10 Disember.

Kaherah — 14 Disember. France — 11 Disember. Jerman — 12 Disember. Negeri Belanda (Holland) — 9 Disember. Hong Kong — 12 Disember. India —

11 Disember. Itali — 11 Disember.

Switzerland — 11 Disember. Pakistan Timor — 9 Disember. Pakistan Barat — 12 Disember. Philipina — 11 Disember. Thailand (Negeri Siam) — 15 Disember. United Kingdom — 12 Disember dan Amerika Sharikat — 9 Disember.

Gambar ini di-ambil sa-belum di-langsungkan Perlawanan Bola Sepak Murid2 Sekolah Melayu sa-negeri Brunei, Kumpulan "B", Peringkat Sa-paroh Akhir antara Johan Brunei I, Sekolah Melayu S.M.J.A. dengan Johan Belait, Sekolah Melayu S.M.A.T. di-padang Sekolah Melayu S.M.J.A. pada petang 12 November, 1965. Keputusan-nya: Sekolah Melayu S.M.J.A. mengalahkan Sekolah Melayu S.M.A.T. dengan 4 gol tidak berbalas.



Pertandingan Bintang Radio Daerah Temburong

BANGAR. — Sa-ramai 15 orang peserta termasuk 5 orang wanita telah memasuki Pertandingan Bintang Radio bagi Daerah Temburong yang telah di-langsungkan di-Dewan Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong pada malam 19 November.

Dalam pertandingan tersebut M. Bakri telah menjadi Johan Asli lelaki dan Naib Johan dalam bahagian langgam. Mohammad Haji Jeruddin pula telah menjadi Naib Johan dalam bahagian asli lelaki.

Dalam bahagian langgam lelaki, Mohammad H. M. Yassin telah menjadi Johan.

Thaibah Haji Abdul Rahim telah menjadi Johan asli wanita dan langgam wanita, manakala Naib Johannya ia-lah Aminah Timbang.


Johan tiap2 bahagian dalam pertandingan tersebut akan mewakili Daerah Temburong untuk bertanding bagi peringkat Negeri yang akan di-langsungkan di-Bandar Brunei pada Hari Raya Puasa akan datang.

Piala2 bagi penyanyi2 yang terbaik lelaki dan wanita yang di-hadiahkan oleh bekas Penolong Pegawai Daerah Temburong Awang Puasa Tudin telah di-menangi oleh M. Bakri dan Thaibah Haji Abdul Rahim.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Wan Khatijah binte Haji Ya'akub, isteri Pegawai Daerah Temburong.



M. Bakri



Thaibah Haji Abdul Rahim

GERHANA MATAHARI

BANDAR BRUNEI. — Satu kejadian gerhana matahari telah di-lihat oleh orang ramai di-sini selama beberapa minit pada tengah hari ke-marin.

Jadual Lawatan Pejabat Pos Bergerak

BANDAR BRUNEI. — Untuk menyenangkan orang ramai membeli setem, mengirim surat2 biasa dan surat2 berdaftar maka mulai daripada 1 Disember, 1965, Pejabat Pos Bergerak akan menjalankan tugas-nya ka-tempat2 yang tersebut di-bawah:—

HARI	JAM	
HARI ITHNIN		
Kampong Pelambayan	8-30 pagi hingga 9-00 pagi	
Kampong Dato Gandhi	9-10 9-40 ..	
Kampong Sg. Matan dan Serdang	9-45 10-15 ..	
Kampong Puduk	10-25 10-40 ..	
Kampong Dalitan dan Sg. Besar	11-00 11-50 ..	
Kampong Batu Marang	12-00 t. hari hingga 12-45 t. hari	
HARI SELASA		
Kampong Buang Tekurok dan Sangkirap	8-30 pagi hingga 9-00 pagi	
Kampong Sinarubai	9-30 10-00 ..	
Kampong Burong Lepas	10-20 10-35 ..	
Kampong Junjongan	10-50 11-05 ..	
Kampong Masin	11-20 11-50 ..	
Kampong Pengkalan Batu	12-10 t. hari hingga 12-45 t. hari	
HARI RABU		
Kampong Sg. Siamas dan Buang Sakar	8-30 pagi hingga 9-10 pagi	
Kampong Barambang dan Buang Tawar	9-20 9-40 ..	
Kampong Butir	9-55 10-10 ..	
Kampong Putat dan Baung	10-30 11-00 ..	
Kampong Rong dan Menunggul	11-15 12-00 t. hari	
Kampong Berbunut	12-10 t. hari hingga 12-45 ..	
Kampong Baru-Baru	12-50 1-20 ..	
HARI KHAMIS		
Kampong Kasat	9-30 pagi hingga 10-00 pagi	
Kampong Sungai Kebun	10-30 10-45 ..	
Kampong Kiulap	11-00 11-15 ..	
Kampong2 di-kawasan Sungai Brunei	11-30 2-00 petang	

Peraduan Bacaan Al-Koran Daerah Brunei-Muara

Johan Lelaki — Awang Abdullah Lakim
Johan Perempuan — Dayang Aminah Siling

BANDAR BRUNEI. — Peraduan Bacaan Al-Koran Kejohanan Daerah Brunei dan Muara telah di-langsungkan di-Masjid Omar Ali Saifuddin pada hari Ahad dan Ithnin yang lalu dengan mem- peroleh kejayaan.

Seramai 63 orang peserta2, terdiri dari 36 orang peserta2 lelaki dan 27 orang peserta2 perempuan yang mewakili Ka-wasan2 Brunei I, Brunei II, Brunei III dan Masjid2 di-Daerah Brunei dan Muara telah meng-ambil bahagian dalam Peraduan Bacaan Al-Koran itu.

Empat orang peserta2 lelaki dan begitu juga empat orang peserta2 perempuan telah di-pilih untuk mewakili Daerah Brunei dan Muara dalam Peraduan Bacaan Al-Koran Kejohanan Sa-Negeri Brunei yang di-langsungkan di-kawasan "lagoon" Masjid Omar Ali Saifuddin pada malam 9 dan 10 Disember hadapan.

Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Johari bin Abdul Razak, bagi pehak Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar telah merasmikan pemu- bukaan peraduan tersebut pada pagi hari Ahad.

Kadzi Daerah Brunei dan Muara, Abang Razali bin Haji Zainuddin selaku Pengurus peraduan tersebut telah juga berucap di-majlis itu.

Hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dan juga sijil2 kepada semua peserta2 telah di-sampaikan oleh Awang Johari bin Abdul Razak, sa- baik sahaja selesai di-langsungkan peraduan tersebut dan keputusannya ada-lah seperti berikut:—

BAHAGIAN LELAKI: Johan — Awang Abdullah bin Lakim dari Sungai Hanching mendapat 87½ markah. Naib Johan—Awang Abdul Hamid bin Munap dari Kampong Peman- cha Lama mendapat 86 markah. Pemenang *Ke-tiga*—Awang Wahid bin Besar dari Kampong Lumapas mendapat 85½ markah. Pemenang *ke-empat* — Awang Wahab bin Tuan Imam dari Kampong Lorong Sekuna mendapat 84½ markah.

BAHAGIAN PEREMPUAN: Johan — Dayang Aminah binte Siling dari Kampong Sumbiling mendapat 84½ markah. Naib Johan — Dayang Hamdiah binte Awang Angkat dari Kampong Sungai Hanching men- dapat 78½ markah. Pemenang *ke- tiga* — Dayang Kula binte Haji Idris dari Kampong Saba Tengah mendapat 75½ markah. Pemenang *ke-empat* — Dayang Latifah binte Haji Ya'akub dari Kampong Sungai Kedayan "A" mendapat 75½ mar- kah.

LAWATAN MUHIBBAH

KAMPONG BELABAU. — Rom- bongan Muhibbah dan Gambus Badan Penerangan Ugama Islam, Brunei akan melawat ka-Kampong Belabau, Tutong pada hari Sabtu 27 Novem- ber untuk beramah tamah dan meng- hiburkan hati penduduk2 kampung itu.

Majlis itu akan di-adakan di- Sekolah Melayu Kampong Belabau mulai pukul 11-30 pagi.

KEMALANGAN MEMBAWA MAUT

KILANAS. — Sa-orang peladang, Awang Bugal in Metali berumur 36 tahun telah mati lemas pada 16 November yang baru lalu apabila ia jatuh dari perahu-nya ketika ia me- rawai ikan di-Sungai Luba, Ulu Sungai Brunei.

Awang Bugal telah bertolak dari rumah-nya pada 15 November, 1965 dan mayat-nya di-jumpai pada pagi 16 November, 1965 sa-telah di-chari di-Sungai tersebut.

Mayat-nya telah selamat di-kebu- mikan pada petang itu. Kapada pehak2 yang berkenaan terutamanya pehak polis, Awang Mohamed Saidi bin Bugal dan keluarga Allah Yarham Awang Bugal mengucapkan terima kasih kerana menjalankan gerakan menchari kehilangan Allah Yarham Awang Bugal itu.

PASAR GEMBIRA

SERIA. — Satu temasha Pasar Gem- bira di-bawah anjoran Majlis Per- khidmatan Masyarakat Daerah Belait akan di-adakan di-Gelanggang Sokan, Seria selama tiga hari mulai pada 27 November, 1965.

Pasar Gembira itu akan di-buka mulai pada 12 tengah hari ka-pukul 10 malam pada hari pertama, mulai pada pukul 9 pagi ka-pukul 10 malam pada hari kedua dan mulai pada pukul 5 petang ka-pukul 10 malam pada hari yang ketiga.

PENGIRAN HIDUP MENANG LAGI

SERIA. — Pengiran Hidup telah sekali lagi, pada tahun yang ke- empat berturut2 menjadi Johan dalam Pertandingan tennis bagi merebutkan Piala Perak August- tine Chong baru2 ini.

Pertandingan tennis itu telah di-anjorkan oleh Shell Recreation Club, Seria dan telah di-adakan di-Gelanggang Tennis kelab itu.

Dalam pertandingan akhir ter- sebut, Pengiran Hidup telah men- galahkan Joseph Ngui dengan 6 - 4 mata dan 6 - 3 mata.

SAMBUTAN ISRA' - ME'RAJ DI-TASEK MARADUN

TASEK MARADUN — Penduduk2 Kampong Tasek Maradun, Batu 6, Jalan Tutong telah mengadakan ber- bagai2 acara di-surau kampung tersebut pada petang hari Ahad yang lalu sa-bagai sambutan Isra' dan Me'raj.

Majlis itu di-pengerusikan oleh Pengiran Mohamed bin Pengiran Badar dan di-hadhiri oleh ramai penduduk2 kampung itu serta lain2- nya.

Gunakan-lah Bahasa
Melayu